



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	JANGAN MAIN SENTIMEN HARGA AYAM-MAFI, PANTAI TIMUR, HARAKAH -14 USTAZ IDRIS, DR NIK DIKURNIA GELARAN DATUK, NASIONAL, HARAKAH -6 GOVERNMENT DEALS WITH HIGH CHICKEN PROCES, NATION, THE STAR -4 GERAN RM50J UNTUK PENIAGA, INFORMAL TERJEJAS BANJIR, UTUSAN MALAYSIA, ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	17 EKOR LEMBU MATI DISYAKI KENA RACUN, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINER (DVS)
6. 7.	PESTA ARCA JERAMI, K2, KOSMO -19 BINA 15 STRUKTUR JERAMI BERTEMA, K2, KOSMO - 20&21	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	ENTREPRENEURNCER HELPS SUSTAIN SME, MICRO BUSINESSES, SUN BIZ, THE SUN -12	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	KEKAL TRADISI, UTUSAN MALAYSIA -1 PAK JANG MASIH ADA KUDRAT KERAT, PUKUL PADI SENDIRI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32 LADANG CILI FERTIGASI DI TENGAH BANDAR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -31 TIGA SKIM BAHARU BANTU USAHAWAN SELANGOR, NEGERI SELANGOR/KL, PAHANG, SINAR HARIAN -22 MAMPUKAH KITA BOIKOT AYAM, TELUR, NEGARA, KOSMO -10 HARGA IKAN PELALING, SARDIN MAHAL, NEGERI SELANGOR/KL, PAHANG, SINAR HARIAN -23 DIJANGKA RUGI RM200 JUTA SEBULAN, NEGARA, KOSMO -3 PESAWAH DI PERLIS PERLU LEBIH PRIHATIN, FORUM, UTUSAN MALAYSIA -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

11/2/2022—
18/2/2022

HARAKAH PANTAI TIMUR

14

Jangan main sentimen harga ayam - MAFI

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Pemain industri ayam diingatkan jangan mempermainkan isu kenaikan harga ayam dan telur sehingga harganya terumbang ambing di pasaran tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kerajaan akan bertindak jika pemain industri itu terus mempermainkan isu tersebut.

Katanya sentimen yang dimainkan mereka sehingga membebankan pengguna apabila harganya melambung di luar dibenarkan kerajaan.

“Jangan salahkan kerajaan jika mereka berdepan



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh menerima penajaan TJWFC di Agro Resort Jeram Mengaji.

dengan tindakan tegas,” Agro Resort Jeram Mengaji, katanya kepada pemberita selepas merasmikam pelancaran Jersi, Pengenalan Pemain dan Penaja TJWFC di

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Industri Asas

Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Saripudin Tuan Ismail.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berharap pihak terbabit menghentikan segera perbuatan itu.

“Kerajaan tidak akan berdiam diri dan bertolak ansur terhadap mereka yang cuba mengambil kesempatan terhadap keperluan makanan asas dalam negara,” katanya.

Menurutnya juga kerajaan mendapati banyak maklumat mengenai daripada pelbagai pihak ada yang sengaja dicitus termasuk mahu membakar anak ayam semata-mata ingin menaikkan harga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	HARAKAH	NASIONAL	6

Ustaz Idris, Dr Nik dikurnia gelaran Datuk

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Haji Idris Ahmad dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh menerima Darjah Kebesaran, Panglima Mahkota Wilayah bagi tahun 2022.

Dua pimpinan PAS itu dikurniakan darjah kebesaran pangkat ketiga iaitu Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) yang membawa gelaran Datuk.

Gelaran itu dianugerahkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 yang menyaksikan 59 penerima menerima anugerah berkenaan pada Selasa.

Seramai 263 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan dalam Istiadat Pengurniaan berkenaan tahun ini.



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh



Senator Idris Ahmad

Pada istiadat pengurniaan kali ini, seorang individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Pertama iaitu Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama, 15 individu pula dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat

Kedua iaitu Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seterusnya, 48 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keempat iaitu Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.), 53 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.), 34 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.) dan 53 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.).

GOVERNMENT DEALS WITH HIGH CHICKEN PRICES

KUALA LUMPUR: The government is concerned over the recent increases in the price of consumer goods and is committed to ensuring that this is addressed quickly for the welfare of Keluarga Malaysia (the Malaysian Family), said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Jan 24.

On Jan 31, he chaired the National Action Council on Cost of Living (NACCOL), which decided to lower the maximum price of standard chickens by 20 sen, from RM9.10 to RM8.90 per kg. Ceiling prices of chicken eggs for all grades will remain the same. This will be in force until June 5.

This was done under the Malaysian Family Maximum Price Scheme (or Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia, SHMKM). This was the third time that the price of chicken has been reduced.

During the Deepavali celebration, the price was fixed at RM9.50 per kg. During the initial SHMKM (Dec 7 to Dec 31, 2021), it was lowered to RM9.30. The price was further lowered to RM9.10 when SHMKM was extended to Feb 4. And now, it has come down to RM8.90.

Other steps are being taken to increase the supply of chicken in the local market. Ismail Sabri said that import permits for whole chickens are now open to all chicken importers, with approved permits (AP). Before this, the import of only chicken parts such as wings and thighs was permitted. In addition, chicken import APs are to be extended to hypermarkets.

Another method to control inflation is to intensify the Keluarga



Ensuring the welfare of the Malaysian Family: Under SHMKM, the maximum price of standard chickens has been lowered to RM8.90 per kg, while ceiling prices of chicken eggs will remain the same until June 5.

Malaysia Sales Programme (PJKM), slated for all 222 parliamentary constituencies, to help the people have more access to cheaper basic necessities.

"Kedai Harga Patut (Fair Price Shops) also need to be reactivated nationwide, while Pasar Tani (Farmers Markets) must operate as frequently as possible," said Ismail Sabri on Jan 31.

"Cooperatives involved in the agricultural industry will be roped in to offer basic necessities without the involvement of middlemen as a way to stabilise prices," he added.

The NACCOL meeting also agreed to instruct the Malaysian Competition Commission to investigate the possibility of cartels fixing the price of chicken and eggs.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said on Feb 2 that if the government did not control prices, the retail price of chicken would probably exceed RM110 per kg because the cost of poultry farming has increased by 70 percent.

For one, the grains to feed the birds are no longer "chicken feed".

Since Oct 2020, the cost of corn has shot up by more than 60%, while soybean meal prices have gone up by more than 40%. Another problem is the lack of foreign workers, many of whom have returned to their home countries during the Covid-19 pandemic.

Thus, the lowering of retail prices (while costs have gone up) may jeopardise the chicken farming industry (and our food security), with smaller farms being forced to close down.

To deal with this, Ismail Sabri said on Jan 31 that the government

will provide subsidies to the industry to help them as well. Details on the subsidies will be implemented by a cost of living task force until prices stabilise. The task force is headed by the Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI), in association with several other ministries, representatives of government-linked companies and consumer bodies.

As for the lack of foreign labour, the Prime Minister said applications to hire Bangladeshi workers were opened in stages on Jan 28.

The NACCOL meeting also discussed the longer-term measures needed to address the issue of food supply and production, especially for chicken and chicken eggs.

For one, the Finance Ministry will look into tax incentives to facilitate a transformation of the chicken farming industry, said Ismail Sabri.

Another step is to support research carried out by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) on how oil palm kernel can replace corn and soy as chicken feed to lower costs.

The Prime Minister also proposed that state governments extend the period for agricultural activities for lands under temporary occupation licences (TOL).

"(More) long-term action plans will be discussed in detail in the next NACCOL meeting," he said.

"Proactive action must be taken by the government to ensure prices remain reasonable, while at the same time also ensuring the chicken farming industry is not impacted and able to ensure supply remains stable."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Geran RM50j untuk peniaga, informal terjejas banjir



Sawah padi yang musnah akibat banjir bakal menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga tiga hektar.

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memberi geran bernilai RM3,000 melalui TEKUN Nasional kepada setiap perniagaan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir dengan peruntukan disediakan sebanyak RM50

juta yang bakal memanfaatkan lebih 15,000 perniagaan mikro dan informal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bantuan itu merupakan penambahbaikan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia untuk membantu golongan perusahaan mikro, kecil dan Sederhana (PMKS) yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Beliau berkata, bantuan kedua ialah dana tambahan RM50 juta akan disediakan melalui Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) di bawah TEKUN Nasional khusus untuk perniagaan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir dengan pinjaman mikro sehingga RM10,000 tanpa faedah di mana tempoh bayar balik adalah sehingga 5 tahun dengan moratorium 12 bulan.



ISMAIL SABRI YAAKOB

“Ketiga, dana sebanyak RM100 juta akan disediakan melalui Program SME Emergency Fund (SMEEF) di bawah SME Corp untuk PKS terjejas, pinjaman sehingga RM100,000 tanpa faedah di mana tempoh bayar balik adalah sehingga 5 tahun dengan moratorium 12 bulan.

“Keempat, dalam sektor pertanian, sehingga kini jumlah kerugian yang dilaporkan kesan daripada bencana banjir pada bulan Disember 2021 adalah sebanyak RM91 juta dan jumlah bantuan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM21 juta,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ismail Sabri berkata, kerajaan meluluskan bantuan tambahan kepada pengusaha agromakanan yang terjejas banjir melalui suntikan dana sebanyak RM20 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Di bawah TBTP, pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman padi akibat banjir bakal menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga tiga hektar.

Bagi pengusaha pertanian lain pula, kata beliau, RM50 juta tambahan akan disediakan di bawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

Beliau menjelaskan, di bawah PPSPA, petani, penternak dan peladang yang terjejas akibat kerosakan banjir, layak untuk memohon bantuan sehingga maksimum 50 peratus daripada jumlah kerugian.

“Kadar dan had bantuan adalah mengikut Garis Panduan tabung tersebut dan diberi dalam bentuk barangan atau *in-kind* iaitu seperti input pertanian atau peralatan.

“Kerajaan akan terus komited dalam usahanya meringankan beban semua golongan yang terjejas akibat banjir seperti PMKS dan Pengusaha Agromakanan dengan sentiasa bersedia untuk menyediakan bantuan yang sewajarnya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	KOSMO	NEGARA	12

Penternak rugi RM50,000 jadi mangsa khianat 17 ekor lembu mati disyaki kena racun

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

ALOR SETAR – Seorang penternak kerugian kira-kira RM50,000 selepas 17 ekor lembu baka Brahman miliknya mati secara tiba-tiba di kawasan dusun Kampung Baharu, Panchor dalam Mukim Derang di Pokok Sena, di sini Ahad lalu.

Mat Suki Saidin, 55, berkata, kejadian itu disedari adiknya Hamzah, 53, kira-kira pukul 6.30 petang sebelum menghubunginya yang berada di Alor Setar.

Katanya, selepas mendapat berita itu dia bergegas pulang ke kampung bagi memastikan kejadian itu.

"Sebaik tiba, saya mendapati beberapa ekor lembu sudah mati bergelimpangan di dalam dusun buah-buahan.

"Lebih menyedihkan apabila

masih ada beberapa ekor lembu yang masih bernyawa tetapi dalam keadaan mulut berbuih," katanya di sini semalam.

Katanya, dia berasa sangat sedih dengan kejadian itu dan mengesyaki lembunya diracuni pihak tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, ternakan itu dilepaskan ke sawah kerana kebanyakan pesawah sudah menuai hasil padi mereka.

"Adalah menjadi tradisi di kawasan ini setiap kali selepas musim menuai, penduduk kampung yang memelihara lembu akan melepaskan ternakan mereka mencari makan sendiri.

"Namun, saya mengesyaki ternakan itu masuk ke dusun melalui sawah kerana kawasannya tidak berpagar," katanya.

Ujarnya, pengusaha perlulah mendirikan pagar sebelum ber-

cucuk tanam supaya lembu tidak masuk ke kawasan tanaman mereka.

Kata Mat Suki, sebelum ini setiap pagi lembunya akan dibawa keluar untuk meragut rumput di sekitar sawah yang sudah dituai dan pada waktu petang pula akan dibawa masuk ke kandang.

"Saya sudah memelihara hampir 20 tahun dan kejadian seperti ini merupakan kali pertama saya hadapi.

"Keseluruhan lembu saya sebelum ini adalah sihat dan tidak mempunyai sebarang masalah penyakit," jelasnya.

Mat Suki turut membuat laporan di Balai Polis Pokok Sena dan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pokok Sena bagi mengetahui punca sebenar kematian ternakannya itu.



TERNAKAN Mat Suki mati bergelimpangan selepas disyaki diracun di kawasan dusun di Kampung Baharu, Panchor, di Alor Setar pada Ahad lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	KOSMO	K2	19

1k2

Menyelami
Hidup Anda

KHAMIS 10.02.2022

Pesta arca jerami

INISIATIF penganjuran Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb atau dikenali sebagai Pesta Jerami Castle yang berlangsung di Ulu Sedaka, Yan, Kedah bertujuan mendidik petani melupakan jerami secara leluai.




KOSMO

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	KOSMO	K2	20



BINAAN struktur-struktur daripada jerami dengan latar panorama bak ladang gandum di Ulu Sedaka. Yari ini menggamit kehadiran pengunjung. - SHAHIR NOORDIN



KANAK-kanak memanjat salah satu struktur jerami dan duduk di atasnya.

Rencana Utama

Oleh: **MOHD. SHAZWAN YUSOP**



Bina 15 struktur jerami bertema

SEKALI imbas, suasana sawah padi seluas 1.1 hektar itu tidak ubah seperti panorama ladang gandum yang baru dituai di negara Barat.

Apa tidaknya, kawasan sawah yang sering dipenuhi pokok padi berwarna hijau atau kuning bertukar menjadi keemasan sehaus mata memandang.

Malah, sawah yang sering digenangi air dan berselut itu bertukar kering-kontang ekoran musim kemarau panjang di kawasan tersebut.

Tambah menarik, jerami atau lebih panjang pokok padi yang dituai telah digulung sebesar satu meter menjadi ketulan sebelum disusun menjadi pelbagai struktur bertema.

Pemandangan tersebut hanya boleh disaksikan di Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb atau dikenali sebagai Pesta Jerami Castle yang berlangsung di Ulu Sedaka, Yan, Kedah baru-baru ini.

Pesta pertama kali diadakan itu telah berjaya menarik kedatangan pelancong atau pelawat ke daerah Yan dan Kedah secara amnya.

Salah seorang pengunjung Pesta Jerami Castle, Shahrul Ambri Samsudin, 35, berkata, dia sangat teruja melihat struktur-struktur jerami di situ.

Jelasnya, binaan struktur atau arca itu telah membantu mewujudkan pemandangan indah di kawasan berkenaan yang bertelarkan Gunung Jerai mengujau.

"Kebetulan cuti, jadi saya bawa anak-anak berkunjung ke Pesta Jerami Castle. Ia satu inisiatif yang sangat baik daripada penduduk tempatan di sini.

"Saya begitu teruja melihat jerami ini dijadikan struktur bertema sekali gus menjadi spot buat pelawat bergambar kenangan.

"Ta tidak ubah seperti di sebuah ladang gandum," katanya ketika ditemu bual K2 mengenai pesta unik itu yang sedang berlangsung. Pesta tersebut diadakan sejak 1 Februari lalu.

Shahrul Ambri yang berasal dari Alor Setar menambah, panorama di pesta berkenaan lebih indah menjelang waktu senja iaitu ketika matahari terbenam.

Pesta Jerami Castle dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan kerjasama Persatuan Peladang Kawasan Sungai Limau Dalam dan Warung Tepi Bendang (Wateb).

Pengurus Wateb, Mohd. Faizal Mat Desa memaklumkan, tujuan utama Pesta Jerami Castle diadakan adalah untuk menarik kunjungan pelawat ke kawasan Ulu Sedaka, Yan.

Jelasnya, pihaknya telah melakukan perbincangan selama hampir dua bulan dengan MADA bagi memastikan pesta berkenaan berjalan seperti dirancang.

"Hasil perbincangan, kami bersetuju untuk menganjurkan pesta ini di petak sawah milik bapa saya yang berhadapan dengan kedai makan diusahakan oleh kami sekeluarga.

"Pesta ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Wateb, malah ia mampu menjana pendapatan, sampingan masyarakat setempat menerusi jualan produk hiliran kepada pengunjung," katanya.

Mohd. Faizal yang juga seorang guru menambah, bagi menjayakan pesta berkenaan, bapa dan adiknya telah membina sendiri 15 buah struktur bertema daripada jerami.

Jelasnya, mereka mengambil masa selama hampir dua minggu untuk menggulung sekitar 30 jerami sebesar satu meter sebelum disusun mengikut tema.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	KOSMO	K2	21

INFO

Pesta Jerami Castle

- Pertama kali dianjurkan di Ulu Sedaka, Yan
- Bertujuan mendidik petani mengenai cara pelupusan jerami
- Terdapat 15 buah struktur jerami bertema

"Terus terang cakaplah, kami memang tidak ada pengalaman untuk giung jerami ini. Lagipun, proses mengulungnya perlu dilakukan dengan cermat, jika tersilap langkah mungkin tidak jadi.

"Jerami yang telah diguung, kami susun untuk hasilkan struktur menara dan Jambatan Pulau Pinang. Jerami ini juga kami guna untuk buat struktur buaian dan orang-orang.

"Kami mencantikkan lagi struktur bertema ini dengan meletakkan papan tanda seperti I Love Yan, Biar Jasa Jadi Kenangan, MADA, #Wateh, Ulu Sedaka serta bendera Kedah dan Malaysia," jelasnya lagi.

Antara aktiviti lain ditawarkan di Pesta Jerami Castle adalah bersiar-siar menunggang kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), berkuada dan gerai jualan.

Pengunjung juga berpeluang menikmati aneka sajian popular tempatan di Wateh seperti mi rebus, bihun sup, laksa dan aneka nasi goreng.

Menurut Mohd. Faizal, pihaknya sangat berpuas hati dengan jumlah pelawat ke pesta berkenaan yang dianggarkan sekitar 3,000 sehari dan bertambah sekali ganda pada hujung minggu.

"Kedudukan pesta ini di tepi jalan utama telah menyumbang kepada kehadiran pengunjung yang ramai. Kemasukan percuma serta kemudahan parkir juga menyumbang kehadiran pelawat.

"Kebanyakan pelawat datang untuk bergambar serta berswafoto sambil bersantai bersama keluarga dan rakan-rakan. Ada juga yang datang ke sini untuk tunggu pemandangan matahari terbenam," katanya.

Pada masa sama, pesta tersebut



ORANG ramai mengambil peluang bergambar pada struktur berbentuk buaian di Pesta Jerami Castle.

juga menjadi lokasi penganjuran perhimpunan traktor, bekho, pertunjukan paramotor, motocross serta persembahan lukisan dan steelwool.

Mohd. Faizal memaklumkan, pihaknya sentiasa mengalu-alukan mana-mana persatuan atau kelah untuk menganjurkan program bersesuaian di tapak pesta berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Besar MADA, Kamaruddin Dahuli berkata, Pesta Jerami Castle diwujudkan bagi mendidik para petani supaya tidak membakar jerami sehingga menjejaskan alam sekitar.

Katanya, dianggarkan lebih 600,000 tan jerami setahun dihasilkan oleh para petani yang berada di bawah naungan MADA merangkumi kawasan Kedah dan sebahagian Perlis.

Beliau menambah, ratio satu tan padi dituai petani menghasilkan satu tan jerami yang selalunya dilupuskan menerusi kaedah pembakaran.

"Sebelum ini, jerami ini dibakar sahaja. Ia tidak salah sekiranya ingin menghapuskan habitat haiwan perosak. Tetapi, kalau bakar saja-saja, ia tidak praktikal kerana menjejaskan alam sekitar.

"Ada juga kes disebabkan pembakaran jerami rumah terbakar dan menjadi penyebab kemalangan. Menerusi pesta ini, kami ingin mendidik petani supaya melupuskan jerami secara lestari. Kami ingin beritahu petani bahawa jerami ini boleh dikumpul untuk dijadikan makanan haiwan ternakan seperti lembu atau baja kompos," terangnya.

Kamaruddin memaklumkan, pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk menjadikan Pesta Jerami Castle di Ulu Sedaka, Yan sebagai acara tahunan.

Jelasnya lagi, pihaknya juga bermungkinan akan memanjangkan lagi tempoh pesta berkenaan yang dijangka berakhir 12 Februari ini sekiranya mendapat sambutan menggalakan.

"Kami mungkin akan jadikan pesta ini sebagai acara tahunan di sini seperti Pesta Angin Timur yang diadakan di Mata Air, Perlis.

"Pesta ini berlangsung 12 hari sabaja, tetapi ia bergantung pada sambutan. Paling lama, saya rasa sehingga akhir bulan ini bagi membolehkan petak dibajak untuk penanaman semula padi," katanya lagi.



BASRI

Manfaatkan musim angin timur

KETIKA ini, sebagian besar kawasan di sebelah utara tanah air terutamanya di Kedah dan Perlis sedang dilanda musim angin timur dengan cuaca panas berserta angin kencang.

Pada musim iri, petak sawah padi yang sering digenangi air bertukar kering-kontang, malah selut yang lembut dan lembab juga menjadi keras.

Kebiasaannya, para petani akan meratakan petak sawah mereka sebelum musim penanaman semula yang dijangka pada awal Mac depan.

Pensyarah Fakulti Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, Prof. Dr. Basri Rashid berkata, musim angin timur perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk tempatan.

Jelasnya, musim tersebut boleh dimanfaatkan dengan penganjuran pelbagai aktiviti menarik yang boleh dijadikan tarikan pengunjung tempatan dan luar.


"Musim angin timur ini selalunya bendang akan diratakan. Ketika ini, kawasan padang ini boleh dijadikan padang bola dengan penganjuran kejohanan tertentu. Ia pasti menarik.

"Musim ini juga angin sangat kencang, jadi boleh diadakan pertandingan wau atau layang-layang. Di sebelah utara ini terkenal dengan wau kucing, merak dan jala budi," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Mengulas penganjuran pesta jerami yang kian popular, Basri berkata, ia boleh dikelaskan sebagai tarikan bermusim iaitu ketika padi menuai kering.

Terangnya, sekiranya dilakukan secara konsisten pada setiap tahun, acara berkenaan boleh menjadi popular sehingga mampu menarik pelancong luar negara.

"Pesta jerami ini selalunya bermusim. Bagi penduduk tempatan, ia mungkin suatu yang normal. Kalau bagi pelancong asing, keadaan ini sangat menarik dan istimewa," terangnya.



PESTA unik ini mendapat sambutan orang ramai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	THE SUN	SUN BIZ	12



NCER Integrated Human Capital Programme participant Yew Zhi Shin, 28, showing her pineapple products at one of the exhibits in Kuala Nerang. - BERNAMAPIX

EntrepreneurNCER helps sustain SME, micro businesses

➤ Small and medium enterprises will be offered financing schemes via partnerships with Maybank and Agrobank, as well as given guidance on growing their respective

KUALA NERANG: An entrepreneurNCER programme has been introduced under the Northern Corridor Economic Region (NCER) Integrated Human Capital Programme to assist micro-entrepreneurs, as well as small and medium enterprises (SME), to ensure the viability and sustainability of their businesses.

Under the entrepreneurNCER programme, micro-entrepreneurs and SMEs are offered financing schemes through strategic partnerships with Maybank and Agrobank, as well as given guidance on growing their respective.

One of the participants in the programme, Mohd Subhi Musa, 39, who runs a rubber collection centre here, said he was able to make good of the funding assistance as capital for his business by buying scrap rubber from

smallholders in large quantities.

"Before joining the programme in 2019, I was only able to buy the scrap rubber at between 30 to 33 tonnes a day, but after getting the funding assistance, I am able to buy more of up to 50 tonnes a day," he said when met by Bernama.

Mohd Subhi, who opened the Rubber Collection Centre in 2011, said his ability to buy scrap rubber in large quantities also enabled more than 100 smallholders in the Padang Terap district to earn more income through their sale of the rubber.

"It also enable me to provide better price for the smallholders," he said, adding that he now has 12 employees to assist him at the collection centre.

Another participant, Burhan Hassan, 50,

who runs the Tire and Auto Service Centre here, said the funding assistance had enabled him to improve and expand his business.

"Through the funding assistance, I was able to open another branch in Kepala Batas near Alor Star in 2021, hence providing job opportunities for he locals there," he added.

Burhan, who started the business in 2006, said he now has three Tire and Auto Service Centres including a second branch in Pokok Sena which was opened in 2018, and in total employed 14 workers at the three premises.

Meanwhile, NCER in a statement said a total of 8,927 micro, small and medium enterprises in Kedah had benefited from the financing scheme under the entrepreneurNCER programme involving a total loan of RM101.8 million since 2019.

It also said another 22,500 micro, small and medium entrepreneurs in NCER are expected to benefit from the programme under the 12th Malaysia Plan with the involvement of CIMB and Affin Bank as new strategic partners of the Northern Corridor Implementation Authority beginning this year. - Bernama

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

10/2/2022

UTUSAN
MALAYSIA

1



Kekal tradisi

KETIKA majoriti pesawah bergantung kepada jentera untuk menuai, namun Mohd. Noor Ismail masih mengekalkan kaedah tradisional mengerat padi menggunakan tangan di Kampung Tambun Tulang, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI (Berita di muka 32)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Pak Jang masih ada kudrat kerat, pukul padi sendiri

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
 utusarnews@mediamulia.com.my

ARAU: Ketika pesawah menggunakan jentera mesin padi untuk menuai hasil, berbeza pula dengan Mohd Noor Ismail, 68, dari Kampung Tambun Tulang di sini yang masih menggunakan kaedah tradisional mengerat padi menggunakan tangan.

Warga emas tersebut yang lebih dikenali sebagai Pak Jang bersama isterinya, Rinson Othman, 62, mengusahakan bendang di kawasan seluas 1.72 hektar (ha) itu mengerat padi sendiri sejak 39 tahun lalu.

Pak Jang mengerat sendiri padi menggunakan sabit membatikan keluasan kira-kira 0.071 ha daripada keseluruhan kawasan tanamannya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pak Jang berkata, menuai padi secara tradisional itu bagi memastikan benih yang disimpan untuk musim seterusnya lebih berkualiti berbanding benih yang dibeli atau diambil menggunakan jentera.

Dia yang merupakan pesara pembantu am sekolah berkata, jentera mesin padi masih digunakan namun hanya menuai hasil untuk dijual sahaja dan bukannya tujuan benih.



PAK JANG masih menggunakan pendekatan tradisional memukul padi di bendangnya di Kampung Tambun Tulang, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI

“Kalau kerat sendiri, kita boleh pastikan yang padi benih itu berkualiti dan tidak ada ‘padi angin’ dan ‘padi burung’ yang boleh menjejaskan hasil tuaian apabila masak nanti.

“Dulu saya pernah beli benih padi tetapi hasil boleh dapat dalam 40 peratus sahaja sebab banyak padi angin dan padi burung. Selepas itu, memang saya

akan kerat padi sendiri untuk dijadikan benih bagi menjaga kualiti benih itu,” katanya.

Mereka yang mempunyai tujuh anak dan 16 orang cucu itu berkata, usia senja tidak menjadi penghalang kepada untuk meneruskan tradisi tersebut kerana tubuh badan mereka yang masih sihat dan cergas melakukan kerja-kerja kampung.

Rinson yang lebih mesra disapa Mak Jang pula memberitahu, kerja-kerja menuai atau mengerat sendiri untuk dijadikan biji benih mengambil masa kira-kira dua hingga tiga hari.

“Selepas kerat tangkai, padi tersebut dipukul pada tong yang terdapat kayu tangga di dalamnya bagi memisahkan padi dengan jerami, “ujarnya.

10/2/2022

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Ladang cili fertigasi di tengah bandar

OHAIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulla.com.my

TELUK INTAN: Tanah seluas siku ekar di tengah-tengah bandar Teluk Intan, Perak yang dahulunya semak samun, kini bertukar wajah dengan tanaman cili fertigasi yang diusahakan oleh ahli kariah Masjid Melayu, Jalan Selat di sini di bawah Program Pertanian Komuniti.

Tanaman itu dimulakan selepas saranan daripada Orang Besar Jajahan (OBJ) Hilir Perak, Datuk Meor Redwan Mahayudin agar pertanian teknologi fertigasi dikembangkan di kawasan dalam bandar termasuk berdekatan masjid di sini yang mempunyai tanah.

Setiausaha Inisiatif Jihad Ekonomi dan Pendidikan Masjid Melayu di sini, Mohamad Abu Bakar, 45, berkata, projek tanaman cili itu merupakan kerjasama dengan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Katanya, teknologi robotik juga digunakan di projek tanaman cili itu dengan kerjasama Universiti Multimedia Malaysia (MMU).

"Kami memulakan tanaman cili di tanah ini menerusi kaedah fertigasi pada pada 1 Okto-



AHLI kariah Masjid Melayu di ladang cili fertigasi yang mereka usahakan di Jalan Selat, Teluk Intan, Perak.

- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

ber 2020 dan serakat ini sudah mendapatkan hasil hampir satu tan dan sudah 16 kali musim cili ini dipetik.

"Wang daripada hasil jualan antaranya disumbangkan untuk tabung Masjid Melayu ini supaya boleh digunakan dan dimanfaatkan-

"Bagi projek tanaman cili ini, jabatan ini dengan kerjasama Uniten membuat percubaan di tapak ini dengan penggunaan mesin khas dikenali penghalang serangga teknologi robot yang bertujuan untuk mengawal populasi lalat putih dan kupu-kupu dewasa.

"Alat ini mengeluarkan semburan halus yang mengandungi cecair kimia khas bagi menghalau dan menghalang kedatangan serangga perosak berkenaan.

"Sistem robotik ini diletakkan pada tempat-tempat strategik di tapak ini dan diprogramkan untuk semburan mengikut masa-masa tertentu," katanya.

Menurutnya, data kehadiran serangga perosak di tapak tanaman cili itu dipantau oleh Uniten untuk dibuat kajian tentang keberkesanan alat tersebut dalam membantu mengurangkan serangan perosak ke atas pokok cili.

"Mengenal projek tanaman cili di kawasan tengah bandar Teluk Intan, kita anggap ia sebagai sesuatu yang istimewa dan luar biasa kerana ia dijayakan oleh ahli jawatankuasa masjid dan mereka berpengalaman dalam bidang pertanian sebegini ini," katanya.

pertanian kaedah fertigasi diperluaskan di kawasan bandar.

Katanya, banyak kawasan atau tanah dalam bandar yang sesuai untuk tanaman fertigasi seperti di sekolah-sekolah, kawasan taman perumahan dan berdekatan kawasan masjid.

kan sebaik-baiknya," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk, Mohd. Sharifudin Mohd Yunos berkata, pihaknya menyokong usaha itu sebagai menyahut seruan kerajaan agr-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/PAHANG	22

Tiga skim baharu bantu usahawan Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperkenalkan tiga skim baharu di bawah program Hijrah Selangor bagi membantu usahawan mendapatkan pembiayaan pada tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, skim baharu itu meliputi i-Lestari, i-Agro dan i-Bermusim.

“Kerajaan negeri memperuntukkan RM120 juta kepada Hijrah Selangor untuk membiayai usahawan bagi merancaikan semula ekonomi negeri.

“Usahawan yang belum menyedari skim pembiayaan baharu Hijrah Selangor kini berpeluang mengembangkan perniagaan menerusi skim-skima yang dipkenalkan sejak Oktober lepas.

“Inilah manifestasi keazaman kerajaan negeri untuk menyokong perniagaan di Selangor,” katanya menerusi kemas kini di Facebook, pada Rabu.

Menurutnya, permohonan bantuan berkenaan boleh dibuat melalui www.hijrahselangor.com.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	KOSMO	NEGARA	10

Mampukah kita boikot ayam, telur?

LAGU *Ayam* dendangan Jallil Hamid memang ada benarnya. Antara bait liriknya ialah *ayam kampung dalamlah reban, ayam bandar di dalam pasar; kadang-kadang ada harga, naik harga, turun harga.*

Ketika ini, ayam dan telur menjadi barang kayangan. Ia akan melebihi kayangan setiap kali musim perayaan.

Kaum Melayu yang menyambut Hari Raya Aidilfitri memang memerlukan dua bahan ini. Ia intipati utama masakan rendang, kek dan kuih raya.

Percayalah, menjelang 1 Ramadan dan 1 Syawal nanti, harga kelapa pula akan meningkat dengan alasan yang sama iaitu bekalan kurang dan permintaan meningkat.

Dengan zaman pandemik Covid-19 ketika ini, pihak tidak bertanggungjawab akan terus menggunakan alasan kononnya tiada pekerja dan kos makanan ayam sebagai alasan untuk menaikkan harga barang mentah.

Persoalannya, apa kuasa kita sebagai pengguna? Setakat memberi komen dan memaki hamun di media sosial setiap kali ternampak atau terbaca berita mengenai kenaikan nilai barang tidak cukup untuk memaksa peniaga dan pembekal menurunkan harga.

Apa yang kita ada ialah persatuan pengguna. Mereka ini menjadi *pressure group* kepada kerajaan dan pemain industri untuk menyebelahi pengguna.

Namun, ia tidak sekuat mana kerana akhirnya hanya kenyataan yang akan dikeluarkan. Bercakap dan terus bercakap. Tiada tindakan.

Pengguna seperti kita sepatutnya bertindak dengan tegas. Tindakan memboikot menjadi satu-satunya jalan mudah tetapi penuh liku yang boleh diambil ke atas pihak menanggung di air keruh.

Namun, sekuat mana mental dan nafsu kita menahan diri daripada tindakan tersebut? Sejarah boikot di Malaysia menunjukkan ia tidak mampu bertahan lama.

Tindakan memboikot ke atas restoran makanan segera yang didakwa kononnya mengalirkan wang kepada Israel untuk membikin peluru bagi membunuh kanak-kanak Palestin suatu ketika dahulu hanya bertahan beberapa hari.

Menerima nasib yang sama ialah sebuah kedai kopi hipster yang ada logo seakan wanita. Pun tidak kekal lama. Makin ramai anak Melayu singgah setiap kali mengisi minyak atau berbincang mengenai bitcoin dan forex.

Semakin diboikot, semakin banyak pula cawangan yang dibuka dan sentiasa penuh dengan orang. Yang makan lain, pandu lalu pun panjang. Perniagaan semakin subur.

Pelancaran *Buy Muslim First* juga hangat-hangat tahi ayam. Ada satu kumpulan Facebook yang diwujudkan dahulu, namun kini tidak lagi gagah bersuara.

Gara-gara politik, rangkaian televisyen TV3, *Utusan Malaysia* dan RTM juga pernah menerima nasib sama. Kesan daripada tindakan itu, kebanyakan daripada kita tidak menerima maklumat tepat mengenai sesuatu isu dan hanya berharap kepada penpuan internet. Rugi.

Berdasarkan situasi di atas, bersedialah kita untuk memboikot ayam dan telur yang menjadi makanan ruji masyarakat Malaysia? Saya tidak rasa kita boleh. Jadi, terimalah hakikat bahawa kita terpaksa keluarkan duit lebih untuk menikmati dua benda itu.

10/2/2022

SINAR
HARIANNEGERI
SELANGOR/
KL. PAHANG

23

Harga ikan pelaling, sardin mahal

Harga 'ikan rakyat' dan udang terus meningkat walaupun sudah tamat musim perayaan

Oleh ENGGU SHARIFUL AZMI

SHAH'ALAM

Beberapa jenis 'ikan rakyat' seperti ikan sardin dan pelaling masing-masing mengalami peningkatan daripada RM18 sehingga RM20 dan RM21 sekilogram walaupun perayaan Tahun Baharu Cina telah tamat pada minggu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Moden Seksyen 6, di sini pada Rabu turut mendapati harga hasil laut lain seperti udang putih turut mengalami kenaikan harga daripada RM30 sekilogram kepada RM35 sekilogram.

Bagaimanapun, para pembeli di sini didapati tidak terkejut dengan peningkatan harga barang-barang mentah berkenaan, malah kurang terkesan dengan kenaikan tersebut.

Salah seorang penjual ikan, Ramlie Ab Rahman berkata, kenaikan harga hasil laut adalah

normal sesudah tamat sambutan Tahun Baharu Cina.

Dia yang bernaik di sini sejak 30 tahun lalu berkata, kenaikan harga ikan tersebut berlaku pada musim perayaan kerana majoriti pembekal hasil laut terdiri daripada bangsa Cina mula menutup kolam ternakan dan tidak turun ke laut.

"Kebanyakan pembekal ikan berbangsa Cina, jadi bila perayaan Tahun Baharu Cina, mereka tutup kolam dan tidak turun ke laut untuk menangkap ikan. Jadi kami pun tidak berniaga kerana bekalan yang ada tidak boleh disimpan lama.

"Biasanya pembekal ikan menghentikan operasi sekitar lima hari sahaja, kemudian mereka akan bekalkan ikan kepada kami," katanya.

Penjual lain yang ingin dikenali sebagai Hanafi berkata, walaupun kekurangan stok ikan ketika Tahun Baharu Cina yang menyebabkan kenaikan harga hasil laut, namun pihaknya tidak akan meningkatkan harga jualan sesuka hati kerana ia bergantung kepada harga yang ditetapkan oleh pembekal.

"Jika bekalan yang sampai harga murah, kita jual murah, kalau mahal, kita jual mahal. Kita ikut harga daripada pembekal," katanya.



Ikan pelaling mengalami peningkatan harga sebanyak RM2 sekilogram sejak Tahun Baharu Cina minggu lalu.

Bagi seorang pengusaha kedai makan, Rahmah Orhman, 50, kenaikan harga ikan mula disedari oleh sejak hujung minggu lalu sehingga RM2 hingga RM3 secara puratanya.

"Secara amnya, peningkatan harga ikan turut memberi kesan kepada kos barang mentah. Tapi disebabkan kami sudah menetapkan harga standard untuk hidangan yang kami sajikan, jadi masih boleh serap kenaikan tersebut," katanya yang mempunyai sebuah kafe di Kapar, Klang.

Pengguna lain, Melati



RAMLIE



HANAFI



RAHMAH



MELATI

Baharudin, 47, turut mengakui terdapat kenaikan harga ikan pelaling daripada RM16 sekilogram kepada RM18, malah pernah mencapai sehingga RM20 sekilogram.

Ujarnya, kenaikan harga ikan ini memang memberi kesan ke-

pada perbelanjaan keluarga yang mempunyai anak ramai.

"Jika dulu bawa RM100 ke pasar, saya boleh beli banyak jenis lauk. Tapi sekarang hanya boleh dapat dua jenis lauk, jadi agak ter-kesan juga," katanya yang mempunyai lima orang anak.

Ramai pengusaha ladang ternakan bakal gulung tikar, tiada modal pusingan

Dijangka rugi RM200 juta sebulan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA - Industri ternakan ayam diramal mengalami kerugian kira-kira RM200 juta sebulan tidak lama lagi disebabkan pelaksanaan kawalan harga ayam.

Bekas Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLEAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, keadaan itu akan menyebabkan ramai penternak gulung tikar atau mengurangkan jumlah ternakan agar dapat terus bertahan.

"Penternak sudah tiada modal pusingan untuk membawa masuk anak ayam ke ladang.

"Kos ternakan ayam dianggarkan RM6.50 sekilogram, tetapi kami diminta menjual pada harga RM5.60 sekilogram. Jika penternak diminta berniaga untuk rugi bermakna mereka diminta supaya gulung tikar.

"Penternak akan mengalami kerugian RMI (sekilogram), jadi mereka tidak boleh buat pusing modal. Jika berlaku kekurangan bekalan, jangan salahkan pihak penternak kerana tiada siapa mahu berniaga untuk rugi," ka-

Pengusaha kurangkan bekalan ayam bagi tampung kos operasi



KERATAN Kosmot 8 Februari 2022.

tanya kepada Kosmot semalam. Jeffrey meletakkan jawatan selaku Penasihat FLEAM pada Isnin lalu kerana kecewa dengan krisis yang berlaku selain menjangsi mangsa kemarahan penternak yang mengalami kerugian.

Mengulas lanjut, Jeffrey memberitahu, semasa musim perayaan Deepavali pada Novembar lalu, penternak dibenarkan menjual ayam pada harga RM6.30 sekilogram, namun ketika itu harga dedak masih belum meningkat tinggi.

Jeffrey tidak dapat memberi jawapan sama ada akan berlaku krisis bekalan ayam dalam tempoh terdekat kerana perkara itu tertakluk kepada kerajaan yang membenarkan pengimportan bahan mentah itu sebelum ini.

Tambah Jeffrey, terdapat kira-



RAMAI pengusaha ladang ternakan dijangka mengalami kerugian sekiranya kos operasi seperti harga dedak meningkat tinggi. - GAMBAR HIASAN

kira 3,000 penternak ayam di seluruh negara yang mengeluarkan lebih dua juta ekor ayam dan lebih 30 juta telur dalam masa

sehari sebelum ini. Kosmot/ kelmarin melaporkan harga dedak naik mendadak, beberapa pengusaha

ayam segar di Johor terpaksa mengurangkan jumlah ayam yang dipelihara di ladang bagi mengurangkan kos operasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19



AKTIVITI membakar jerami padi boleh memberi kesan tidak menyenangkan kepada penduduk di Perlis. - GAMBAR HIASAN

Pesawah di Perlis perlu lebih prihatin

SAUDARA PENGARANG,

SEKARANG adalah musim kering dan kemarau di Perlis. Dalam keadaan sedemikian, kelihatan debu dan habuk berterbangan di sana sini.

Kebetulan hampir keseluruhan sawah di kawasan utara Perlis sudah habis dituai. Yang tinggal hanya tunggul-tunggul jerami padi.

Kebiasaannya apabila sawah berada dalam keadaan sedemikian, pemiliknya mula membakar tunggul-tunggul jerami. Ini untuk memudahkan sawah mereka dibajak apabila tiba musim hujan bagi memulakan kembali penanaman padi.

Semasa petani asyik membakar jerami padi, ia memberi kesan tidak menyenangkan kepada penduduk.

Arang jerami padi yang dibakar berterbangan ke sana sini ditiup angin. Ada masuk ke dalam kediaman, premis perniagaan dan rumah ibadat.

Baru-baru ini, arang hasil aktiviti pembakaran tersebut begitu banyak berterbangan masuk ke dalam rumah termasuk di taman-taman perumahan.

Ada yang mendakwa arang-arang itu akibat pembakaran jerami padi oleh petani selepas tamat musim penuaian.

Namun, ada juga mendakwa arang yang banyak berterbangan baru-baru ini berpunca daripada pembakaran lalang di satu kawasan di utara Perlis.

Di sini bukan masa untuk kita mencari salah sesiapa. Apa yang amat diharapkan pada musim kering seperti sekarang adalah semua pihak mempunyai rasa tanggungjawab.

Janganlah lakukan pembakaran sewenang-wenang. Jika perlu sangat jerami atau lalang hendak dibakar, carilah masa yang sesuai.

Kalau boleh, elakkan kerja-kerja pembakaran semasa angin bertiup kencang. Jika membakar semasa angin kencang akan memudahkan arang-arang pembakaran diterbangkan angin.

Sekali lagi ditegaskan, semua pihak perlu ada rasa tanggungjawab. Jangan pentingkan diri sendiri.

Ambil kira juga kepentingan orang lain yang menerima padah daripada arang-arang yang berterbangan hasil kerja-kerja pembakaran itu.